



MINISTRY OF COMMUNICATIONS  
AND MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### LAPORAN PENYATA KEWANGAN TAHUNAN

### PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) 2016

Penyata kewangan FINAS untuk tahun 2016 telahpun dibentangkan di Dewan Rakyat pada hari ini.

Pada 29 Ogos 2017 Ketua Audit Negara telahpun mengeluarkan laporan setelah mengkaji Penyata Kewangan FINAS 2016. Laporan ini di muka surat 197 penyata tersebut menyatakan bahawa penyata kewangan ini tidak memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan FINAS pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan tersebut selaras dengan piawaian pelaporan yang ditetapkan.

Laporan Ketua Audit Negara juga menghuraikan 11 sebab sebagai asas kepada pendapat yang bertentangan dengan Penyata Kewangan FINAS tersebut.

Saya memandang serius laporan Ketua Audit Negara ini. Laporan bahawa Penyata Kewangan FINAS tidak memberi gambaran yang benar dan saksama merupakan satu perkara yang sangat berat dan sama sekali mematahkan integriti sistem kewangan FINAS sepertimana diharapkan didalam penyata kewangan tersebut.

Ianya menunjukkan bahawa sistem perakaunan FINAS sangat lemah dan tidak boleh diterima. Ianya juga menunjukkan bahawa tiada akauntabiliti bagi jumlah-jumlah wang yang sangat besar seperti cukai pendapatan sebanyak RM6,213,623.14 dan RM3,246,004.49 bagi tahun taksiran 2006 sehingga 2015 dan RM2,126,710.32 bagi tahun 2016; ketepatan baki bank berjumlah RM11,539,633; baki pendahuluan dan penghutang pinjaman sebanyak RM2,446,092 dan RM3,043,356; penghutang sewaan

sebanyak RM81,707 dimana identiti penghutang sewaan tidak dapat dikenalpasti; baki penghutang pelbagai sebanyak RM146,107 dan berbaki kredit sebanyak RM12,687,897 yang tidak dapat dikenalpasti; pelbagai pemiutang sebanyak RM1,366,787 dan RM30,175,063 yang tidak dapat dikenalpasti; keraguan berkaitan deposit filem berjumlah RM18,450,900 dan sebagainya. Perkara-perkara ini mesti disiasat.

Selain daripada itu saya berpendapat bahawa sistem kewangan di dalam FINAS perlu dikaji semula supaya keadaan sebegini tidak berulang pada masa hadapan. Oleh itu, satu lembaga perbadanan baharu FINAS telahpun dilantik yang terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman serta pengetahuan dalam bidang perfileman, karyawan dan juga perakaunan. Saya akan umumkan badan baharu ini pada minggu hadapan.

Saya juga bercadang untuk melantik akauntan daripada syarikat bertauliah untuk mengkaji dan melaporkan, dengan persetujuan badan, kepada KKMM struktur kewangan baru yang perlu untuk meningkatkan sistem kewangan dan akauntabiliti FINAS supaya tiada lagi ketirisan, kehilangan dan masalah-masalah integriti dan akauntabiliti sebegini berlaku pada masa hadapan.

Dana merupakan satu aset yang sangat penting kepada industri perfileman negara dan perlu dipastikan bahawa ianya digunakan dan disalurkan kepada pihak-pihak yang wajar dalam keadaan adil dan saksama. Di mana wujudnya kekurangan, maka ianya membawa kesan buruk kepada industri ini. Ini mesti kita elakkan.

Saya harap bahawa badan baharu dapat meningkatkan prestasi FINAS supaya kita boleh berjaya dalam industri ini bukan sahaja di Malaysia tetapi di pentas dunia pada masa akan datang. Malaysia mempunyai kebolehan dan bakat yang perlu untuk berjaya dalam industri ini.

KKMM akan mengambil langkah-langkah tegas untuk membaiki kekurangan-kekurangan yang wujud di dalam FINAS supaya industri ini boleh berjaya pada masa hadapan.

**GOBIND SINGH DEO**

**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**01 NOVEMBER 2018**